

# Mohd Noh dilantik Naib Canselor UTHM untuk setahun lagi

**BATU PAHAT** - Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin dilantik semula sebagai Naib Canselor, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk tempoh satu tahun berkuatkuasa 16 Oktober 2015.

Pelantikan ini dibuat Menteri Pendidikan Tinggi berdasarkan pencapaian cemerlang beliau dalam perkhidmatan setelah tujuh tahun menerajui universiti berkenaan.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat, Mohd Shafry Salim berkata, dengan pelantikan berkenaan, ia adalah penggal perkhidmatan yang keempat beliau menyandang jawatan berkenaan sejak pelantikan pertama pada 2008, dan dilantik pada 2011 dan 2013.

Katanya, anak kelahiran Batu Pahat, Johor ini memiliki ijazah bidang fizik daripada Universiti Gadjah Mada, Indonesia serta Sarjana (Sains) dalam bidang *Solid State Physics* daripada Bedford College, University of London dan Doktor Falsafah dalam bidang *Experimental Solid State Physics* daripada Imperial College London.

"Ketika ini beliau merupakan Pengerusi Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM). Sebelum ini, Mohd Noh pernah menjadi Naib Canselor di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

"Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beberapa kejayaan universiti direkodkan antaranya peningkatan pelajar dari sekitar 8,000 pada 2008 kepada hampir 17,000 pada 2015.



**MOHD NOH**

"Mohd Noh juga merupakan perintis cadangan pembukaan Hab Pendidikan Tinggi Pagoh yang kini dalam 64 peratus pembinaan dengan jangkaan kemasukan pelajar pertama September 2016," katanya.

Menurutnya lagi, di bawah kepimpinan beliau, UTHM turut mendapat pengiktirafan lima bintang bagi kriteria pengajaran, fasiliti dan inovasi di dalam Audit Quacquarelli Symonds (QS) Star Rating, iaitu satu or-

ganisasi pengauditan universiti yang terkenal melalui QS World Ranking.

Katanya, penarafan lima bintang diumumkan pada 16 Disember 2014 merupakan kejayaan UTHM sekali gus membuktikan hasil bimbingan beliau sebagai Naib Canselor selama ini mula membuahkan hasil.

"UTHM turut menerajui pengajian kejuruteraan dan teknikal di negara ini apabila subjek Mekanikal, Aeronautik dan Pembuatan kendalian Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) tersenarai dalam penarafan QS World University Ranking dan berada di tangga 201 hingga 300 terbaik dunia.

"Seluruh warga UTHM mengucapkan tahniah di atas penyambungan pelantikan Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin sebagai Naib Canselor UTHM. Semoga beliau terus diberi kekuatan, kesihatan dan kesejahteraan untuk menerajui universiti ini ke tahap yang lebih gemilang," katanya.